

Headline **Pesakit Aids Islam berlindung di gereja**
Date **16 Jul 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **655**

Language **Malay**
Page No **1**
Article Size **119 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **1,964**



Pesakit Aids Islam berlindung di gereja



Sebahagian pesakit Aids yang mendapat perlindungan di gereja terbabit.

SHAH ALAM – Mengejutkan, dan sekali gus memalukan! Sekurang-kurangnya 14 orang pesakit HIV/Aids keturunan Melayu dan beragama Islam kini sedang mendapat perlindungan dan rawatan di sebuah gereja di Negeri Selangor.

Kunjungan wartawan Sinar Harian ke gereja tersebut baru-baru ini mengesahkan maklumat daripada orang ramai bahawa remaja Islam yang dijangkiti virus maut tersebut tidak ada tempat lain untuk mengadu dan akhirnya terdampar di gereja berkenaan, bersama berpuluh lagi mangsa daripada pelbagai agama.

“Saya tidak dihiraukan oleh keluarga dan masyarakat sebab saya ada Aids. Kawan-kawan senasib memberitahu ada pihak gereja yang secara sukarela membantu dengan menyediakan tempat tinggal, makan dan rawatan. Sebab itu saya ke sini,” kata salah seorang dari remaja yang ditemui di gereja berkenaan.

Ini mungkin hanya satu kes yang sempat dibongkar. Apakah tidak mungkin gereja lain juga menawarkan apa yang tidak dapat diberikan oleh pertubuhan Islam kita? Dan, apakah masjid kita mengambil inisiatif seperti gereja tersebut?